

PIBG wadah tingkatkan pendidikan murid, sekolah

PENGERUSI Labuan Society Wan Abdul Rahim Wan Abdul Rahman merasmikan Mesyuarat Agung PIBG SMK Ranche-Ranche Kali Ke-7 Sesi 2020/2021 yang diadakan di Dewan Terbuka, SMK Ranche-Ranche pada 7 Mac lalu.

Mesyuarat yang diadakan dari jam 8 pagi hingga 1 petang itu dihadiri kira-kira 148 ibu bapa.

Selain ucapan aluan penasihat PIBG, ucapan YDP PIBG dan ucapan perasmian Mesyuarat Agung PIBG SMK Ranche-Ranche bagi sesi 2020/2021, turut diadakan pembentangan dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan PIBG kali ke-6.

Selain itu, pembentangan dan menerima Laporan Tahunan Aktiviti PIBG bagi sesi 2018/2019 serta membentangkan, menerima dan meluluskan penyata kewangan PIBG yang berakhir pada 31 Disember 2019.


Pada mesyuarat itu juga diadakan penetapan jumlah sumbangan PIBG tahun 2020, pembentangan dan pembahasan usul-usul yang telah dikemukakan melalui pautan yang diberikan, pembubaran AJK PIBG SMK Ranche-Ranche bagi sesi 2018/2019 dan pelantikan AJK PIBG SMK Ranche-Ranche Sesi 2020/2021.

Sementara itu, Awang Adi Tuah terus dipilih sebagai Yang Dipertua PIBG SMK Ranche-Ranche di samping Naib Yang Dipertua Rosnani Daud.


Jawatan Setiausaha dan Bendahari masing-masing disandang Norfaizah Awang dan Erni Eliza Yunos.

AJK Ibu Bapa terdiri daripada Noor Mazid Damit, Mazidi Rosli, Salinah Amat, Syamlee Ogong @ Madlee dan Awangku Ahmad Tajudin.

Manakala AJK Guru, Ab-



CENDERAHATI: Wan Abdul Rahim (dua kiri) menerima cenderahati daripada Yahya selepas merasmikan Mesyuarat Agung PIBG SMK Ranche-Ranche Kali Ke-7 Sesi 2020/2021.



SIMBOLIK: Wan Abdul Rahim memukul gong sebagai simbolik perasmian Mesyuarat Agung PIBG SMK Ranche-Ranche sambil dibantu Yahya (kanan). Turut kelihatan dari kiri Fauziah, Masri dan Awang Adi.


dul Ghafar Salleh, Emyyanna Hamjani, Nor Ameza Zakaria dan Noradibah Zawawi.

Pengetua SMK Ranche-Ranche Yahya Ahmad Puteh secara automatik dipilih sebagai Pengerusi.



PENDAFTARAN: Sesi pendaftaran diadakan sebelum bermesyuarat.

Beliau akan dibantu tiga Naib Pengerusi iaitu Sahnuddin Arifin (PK Pentadbiran), Masri Ayong (PK



MESYUARAT: Awang Adi mempengerusikan Mesyuarat Agung PIBG.

HEM) dan Fauziah Idris (PK Kokurikulum).

Yahya berkata antara objektif mesyuarat agung itu ialah mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan pihak sekolah dan menjalinkan hubungan warga sekolah dengan komuniti setempat dan pihak swasta.

Selain itu, katanya, untuk membincangkan usul-usul yang dikemukakan oleh ibu bapa untuk meningkatkan peranan PIBG.

“Semasa mesyuarat PIBG itulah kami akan memberi pendedahan tentang aktiviti dan program yang dijalankan di sekolah pada tahun lalu dan tahun 2020,” katanya ditemui selepas berakhirnya mesyuarat agung itu.

Sambil mengucapkan terima kasih atas kehadiran ibu



PIBG: Yahya (tiga kiri) bersama AJK PIBG Sesi 2020/2021.



PENTADBIR: Barisan pentadbir bersama Wan Abdul Rahim (empat kanan).



SOAL: Ibu bapa bertanyakan soalan kepada Pengetua dan AJK PIBG.



HADIR: Sebahagian ibu bapa yang menghadiri Mesyuarat Agung PIBG SMK Ranche-Ranche pada 7 Mac lalu.